

LAWATAN AKADEMIK PELAJAR POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi

Telah Dihantar: 02 Jun 2010 17:11

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

Sk: Abdul Wahab B Awang

2 JUN 2010 / 19 JAMADILAKHIR 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PILIHAN UTAMA"
(FIRST CHOICE UNIVERSITY)**LAWATAN AKADEMIK PELAJAR POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

Pada 27 Mei 2010, delegasi pelajar diploma Politeknik Merlimau Melaka telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Institut Pembangunan Keusahawanan & Koperasi (CEDi), UUM. Lawatan tersebut bertujuan bagi mendapatkan maklumat dalam usaha untuk memperkasakan bidang keusahawanan di UiTM. Selain daripada itu, matlamat lawatan ini juga adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar politeknik berkenaan bidang keusahawanan serta sama-sama berkongsi idea keusahawanan antara UUM dan Politeknik Merlimau Melaka selain membentuk hubungan kerjasama dalam bidang keusahawanan.

Delegasi ini terdiri daripada dua (2) orang pegawai Politeknik Merlimau, Melaka dan 38 orang pelajar politeknik tersebut. Pelbagai perkara yang dibincangkan sepanjang lawatan diadakan termasuklah kaedah dan pendekatan yang digunakan bagi melahirkan usahawan yang benar-benar berkebolehan dan komited dalam menjalankan perniagaan. Selain daripada itu, idea penubuhan koperasi mahasiswa di setiap IPTA turut dibincangkan dalam usaha membangunkan bidang keusahawanan peringkat IPT. Lawatan daripada Politeknik Merlimau Melaka ini juga turut dibawa melawat ke Varsity Mall bagi melihat prasarana yang disediakan oleh pihak UUM dalam melahirkan usahawan pelajar.

Habis.

=====

DARIPADA:**INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI (CEDi)****UNIVERSITI UTARA MALAYSIA****TEL: 04-9285621/5622/5634/5632****FAX: 049285778/5614**